



PENERANGAN ... Timbalan Ketua Editor NST, Jerry Kamijan sedang memberi penerangan kepada rombongan lawatan.

## 57 pelajar UMS adakan program Lawatan Sambil Belajar di New Sabah Times

NST 6.11.2014 4

OLEH JOANES ROBERT  
JOHNNY  
[joanes@newsabah-times.com.my](mailto:joanes@newsabah-times.com.my)

KOTA KINABALU: Seramai 57 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) di bawah Program Pengurusan Industri Kreatif (Seni Kreatif) telah mengadakan program ‘Lawatan Sambil Belajar’ ke bangunan akhbar tertua di negeri Sabah, New Sabah Times di sini kelmarin.

Kesemua pelajar Tahun 2 yang mengambil penghususan dalam bidang penulisan mendapat peluang mempelajari teknik penulisan berita yang baik daripada beberapa wakil bahagian Editorial NST seperti Timbalan Ketua Editor, Jerry Kamijan, wartawan

Joanes Robert Johnny, Sub-Editor Raphiel Pinus dan Jurufoto Eddie Angat.

Selain berpeluang mendapat ilmu dalam bidang penulisan, penyuntingan, proses percetakan, dan pengagihan surat khabar, mereka juga sempat melawat ke bahagian-bahagian tertentu di dalam ruangan Editorial seperti bilik wartawan, bilik penyuntingan berita, bahagian grafik, bilik gelap, dan ruangan percetakan akhbar.

Seorang daripada pelajar tersebut, Mohd. Amirul Izwan, 21 tahun menyifatkan lawatan itu sebagai sebahagian daripada usaha mereka untuk mendapat lebih banyak pengalaman serta input berguna untuk melengkapkan diri mereka menjadi seorang pem-

berita yang berpotensi kelak.

Dalam pada itu, Pengarah Program Lawatan Sambil Belajar itu, Mohamad Saiful Amir Hamzah yang mengetuai sesi lawatan tersebut, berkata, antara lain yang ingin diketahui oleh mereka adalah berkaitan halangan ataupun cabaran yang dihadapi oleh bahagian editorial berita sama ada dalam kalangan wartawan, jurufoto dan sebagainya, selain peranan mereka kepada masyarakat dan pembaca.

Sesi lawatan selama lebih kurang dua jam itu diakhiri dengan sesi fotografi dan penyampaian cenderahati oleh wakil rombongan kepada Jerry, selain kesemuanya turut menerima buah tangan istimewa daripada NST.